

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Dua kes tipu dalam talian di Kota Samarahan, mangsa rugi RM225,000
Date : 24 May 2024
Section : General
Page : 1



Dua kes tipu dalam talian di Kota Samarahan, mangsa rugi RM225,000

KUCHING: Dua kes tipu dalam talian dilaporkan di Kota Samarahan, dekat sini membabitkan kerugian kira-kira RM225,000, semalam.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata



MANCHA

berkata, kes pertama membabitkan seorang wanita yang bekerja sebagai pembantu jualan berusia lewat 40-an.

Menurutnya, mangsa mulanya tertarik dengan satu iklan kerja sambilan di laman Facebook pada awal Januari lalu.

"Kemudian mangsa telah menerima satu mesej daripada individu tidak dikenali yang menawarkan mangsa pendapatan sampingan sebagai jurujual melalui aplikasi 'Dobemall' serta 'Dobevil' dan menjanjikan keuntungan jualan akan dibayar kepadanya.

"Pada penghujung Januari hingga Mei, mangsa telah membuat 15 transaksi secara berperingkat ke 13 akaun bank berbeza berjumlah sekitar RM125,000," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, mangsa hanya menyedari diri ditipu setelah masih belum menerima sebarang keuntungan yang dijanjikan.

Manakala, kes kedua dilaporkan menimpa seorang suri rumah berusia 50-an yang telah menerima panggilan daripada individu yang kononnya daripada pihak MCMC.

"Mangsa melaporkan individu terbabit memberitahu mangsa mempunyai 15 aduan atas kesalahan menipu orang.

✦ **Lihat Muka 2**

Dua kes tipu dalam talian di Kota Samarahan, mangsa rugi RM225,000

► Dari Muka 1

“Panggilan mangsa kemudian disambung kepada suspek yang menyamar sebagai anggota polis dari Bukit Aman dan mendakwa mangsa turut terlibat jenayah pengubahan wang haram,” katanya.

Mancha berkata, suspek mengarahkan mangsa mengeluarkan semua wang simpanan dan dipindahkan ke akaun berbeza untuk tujuan siasatan.

“Sejak April hingga Mei, mangsa telah membuat 14

pindahan wang enam akaun bank berbeza dengan keseluruhan kerugian dianggarkan berjumlah RM100,000,” katanya.

Laporan polis telah dibuat oleh mangsa selepas menyedari dirinya telah ditipu.

Siasatan lanjut polis masih dijalankan.

“Orang ramai dinasihatkan agar tidak melayan panggilan telefon yang tidak dikenali dan jangan mudah panik atau cemas dengan sebarang dakwaan yang dibuat,” katanya lagi.